



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

26 MEI 2026 (SELASA)

Bekalan Ternakan Mencukupi Penuhi Keperluan Ibadah Korban - KPKM			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Keadilan	Berita	Dalam Talian	26 Mei



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan ternakan bagi sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini mencukupi untuk memenuhi keperluan ibadah korban di seluruh negara.

Kementerian dalam kenyataan memaklumkan statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sehingga April lalu menunjukkan stok bekalan lembu dan kerbau tempatan direkodkan sebanyak 35,127 ekor manakala bekalan import sebanyak

16,845 ekor.

"Ia menjadikan jumlah keseluruhan bekalan lembu dan kerbau bagi tujuan korban mencecah 51,972 ekor sekali gus melebihi anggaran keperluan institusi seperti masjid, surau dan rumah sembelih yang dijangka sebanyak 40,420 ekor," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata, bagi bekalan kambing dan bebiri pula stok tempatan sehingga April adalah sebanyak 25,815 ekor manakala

bekalan import sebanyak 4,232 ekor.

Katanya, jumlah keseluruhan bekalan bagi ternakan itu ialah sebanyak 30,047 ekor, melebihi unjuran permintaan semasa iaitu 22,424 ekor.

"KPKM memberi jaminan bahawa jumlah keseluruhan bekalan ternakan dalam negara adalah amat mencukupi bagi menampung permintaan sembelihan bagi tujuan korban tahun ini," katanya.

Dalam pada itu, kementerian memaklumkan sebanyak 27 rumah sembelih milik DVS di seluruh Semenanjung bersedia untuk beroperasi bagi tujuan penyembelihan ternakan korban.

Selain itu, kata kementerian DVS turut mengeluarkan lesen kepada 43 rumah sembelih swasta di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga 16 Mac lalu bagi menawarkan perkhidmatan penyembelihan yang sah kepada masyarakat.

Bagi aktiviti penyembelihan korban di luar kawasan rumah sembelih seperti di masjid, surau, sekolah, kawasan perumahan dan tempat awam, pihak penganjur diwajibkan mengemukakan permohonan permit

penyembelihan luar berserta dokumen berkaitan untuk mendapatkan kelulusan, katanya.

"Orang ramai dinasihatkan supaya merujuk Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban yang dikeluarkan oleh DVS bagi memastikan proses ibadah korban berjalan lancar dan mematuhi standard yang ditetapkan," kata kementerian.-

[SUARAKEADILAN](#)

JPV P.Pinang Keluar 1,398 Permit Sembelihan Luar Untuk Ibadah Korban Tahun Ini			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	25 Mei



GEORGE TOWN, 25 Mei (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mengeluarkan sebanyak 1,398 Permit Sembelihan Luar (PSL) bagi tujuan ibadah korban di seluruh negeri ini tahun ini, kata Pengarahnya Dr Saira Banu Mohamed Rejab.

Beliau berkata secara keseluruhan, sebanyak 6,107 ekor ternakan akan dikorbankan pada Aidiladha tahun ini berbanding 4,220 ekor tahun lepas, iaitu peningkatan sebanyak 1,887 ekor.

"Setakat hari ini, sebanyak 1,398 PSL telah dikeluarkan berbanding 1,057 permit pada 2025, menunjukkan peningkatan sebanyak 341 permit atau 32.26 peratus, ia menggambarkan pertambahan penyertaan masyarakat dan peningkatan pelaksanaan ibadah korban di Pulau Pinang tahun ini.

"Pecahan ternakan bagi tahun ini melibatkan 5,476 ekor lembu, kambing (542 ekor), bebiri (57 ekor), kerbau (26 ekor) dan enam ekor unta," katanya dalam kenyataan hari

ini.

Beliau berkata lembu masih menjadi pilihan utama masyarakat bagi pelaksanaan ibadah korban disebabkan faktor kesesuaian agihan, kapasiti penyertaan peserta korban serta faktor ekonomi semasa.

Saira Banu berkata bekalan lembu dan kerbau bagi tujuan korban melibatkan ternakan tempatan dan import dengan pengimportan dilaksanakan sebagai langkah bagi menstabilkan bekalan dan menampung peningkatan permintaan semasa Aidiladha, khususnya apabila pengeluaran ternakan tempatan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa.

Katanya antara faktor yang mempengaruhi kekurangan bekalan ternakan tempatan termasuk peningkatan kos makanan, kenaikan kos operasi ladang, kekangan kawasan penternakan, pengurangan bilangan penternak aktif serta penyakit haiwan tertentu yang boleh menjejaskan kadar pengeluaran dan produktiviti ternakan.

"Pelaksanaan PSL adalah penting bagi memastikan aktiviti korban dilaksanakan mengikut prosedur dan

syarat yang telah ditetapkan termasuk aspek kesihatan veterinar, kebajikan haiwan, kebersihan tempat sembelihan dan keselamatan makanan.

"Permit itu juga membantu memastikan ternakan yang digunakan bagi tujuan korban berada dalam keadaan sihat dan sesuai untuk disembelih selain pemantauan pegawai veterinar dan pemeriksa daging yang dilantik memastikan pemeriksaan antemortem dan postmortem dilaksanakan dengan sempurna," katanya.

Beliau turut menasihatkan semua penganjur korban supaya mendapatkan PSL serta memastikan pengurusan haiwan dan sisa sembelihan dilaksanakan secara teratur serta mematuhi syarat yang ditetapkan.-BERNAMA

Permintaan Ternakan Korban Di Pulau Pinang Meningkat Hampir 45 Peratus

Media	Ruangan	Muka Surat	Tarikh
Sinar Harian	Berita	Dalam Talian	25 Mei



Ternakan lembu menjadi pilihan utama masyarakat bagi pelaksanaan ibadah korban. - Gambar hiasan imej janaan AI

GEORGE TOWN - Permintaan ternakan bagi tujuan ibadah korban di Pulau Pinang tahun ini meningkat sebanyak 44.72 peratus berbanding tahun lalu susulan pertambahan penyertaan masyarakat dalam pelaksanaan ibadah berkenaan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, sebanyak 6,107 ekor ternakan direkodkan terlibat dalam aktiviti

korban pada tahun 2026 berbanding 4,220 ekor pada tahun 2025, iaitu peningkatan sebanyak 1,887 ekor.

Menurutnya, permintaan ternakan bagi tujuan ibadah korban tahun ini dianggarkan berdasarkan permohonan Permit Sembelihan Luar (PSL) yang diterima daripada masjid, surau, badan korporat serta penganjur korban di seluruh negeri.

“Sehingga kini, sebanyak 1,398 PSL

telah dikeluarkan bagi tahun 2026 berbanding 1,057 permit pada tahun 2025, menunjukkan peningkatan sebanyak 341 permit atau 32.26 peratus.

“Peningkatan ini menggambarkan pertambahan penyertaan masyarakat serta peningkatan pelaksanaan ibadah korban di Pulau Pinang pada tahun ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tambah beliau, daripada keseluruhan ternakan yang direkodkan, sebanyak 5,476 ekor adalah lembu, 26 kerbau, 542 kambing, 57 bebiri serta enam ekor unta.

Katanya, permintaan tinggi khususnya melibatkan ternakan lembu menunjukkan haiwan itu masih menjadi pilihan utama masyarakat bagi pelaksanaan ibadah korban.

“Ia disebabkan faktor kesesuaian agihan, kapasiti penyertaan peserta korban serta faktor ekonomi semasa,” katanya.

Dalam pada itu, Saira berkata, bekalan lembu dan kerbau bagi tujuan korban di negeri ini melibatkan ternakan tempatan serta ternakan import.

Menurutnya, pengimportan ternakan

dilaksanakan sebagai langkah menstabilkan bekalan dan menampung peningkatan permintaan semasa musim Aidiladha khususnya apabila pengeluaran ternakan tempatan tidak mencukupi.

“Antara faktor yang mempengaruhi kekurangan bekalan ternakan tempatan termasuk peningkatan kos makanan ternakan, kenaikan kos operasi ladang, kekangan kawasan penternakan, pengurangan bilangan penternak aktif serta cabaran penyakit haiwan tertentu yang boleh menjejaskan kadar pengeluaran dan produktiviti ternakan,” katanya.

Tambah beliau, selain lembu dan kerbau, ibadah korban di Pulau Pinang turut melibatkan kambing, bebiri dan unta.

“Bagi tahun 2026, sebanyak enam ekor unta direkodkan terlibat dalam aktiviti korban di daerah Timur Laut sekali gus menunjukkan kepelbagaian pilihan ternakan bagi pelaksanaan ibadah korban di negeri ini,” katanya.

Mengulas lanjut, Saira berkata, pelaksanaan PSL penting bagi memastikan aktiviti korban dilaksanakan mengikut prosedur dan syarat yang ditetapkan termasuk

aspek kesihatan veterinar, kebajikan haiwan, kebersihan tempat sembelihan dan keselamatan makanan.

Katanya, permit itu juga membantu memastikan ternakan yang digunakan bagi tujuan korban berada dalam keadaan sihat dan sesuai untuk disembelih.

“Pemantauan oleh pegawai veterinar dan pemeriksa daging yang dilantik turut memastikan pemeriksaan 'ante-mortem' dan 'post-mortem' dilaksanakan dengan sempurna supaya daging korban yang diagihkan kepada masyarakat selamat dimakan serta bebas daripada penyakit zoonotik dan pencemaran yang boleh menjejaskan kesihatan awam.

"Semua penganjur korban dinasihatkan supaya mendapatkan PSL daripada jabatan itu serta memastikan pengurusan haiwan dan sisa sembelihan dilaksanakan secara teratur, bersih dan mematuhi syarat yang ditetapkan demi kesejahteraan awam dan kelestarian persekitaran," ujarnya.-[SINARHARIAN](#)

Kementerian Memberi Jaminan Bekalan Ternakan Melebihi Permintaan Untuk Upacara Korban Semasa Aidiladha			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Merdeka	Nasional	Dalam Talian	25 Mei

Bekalan ternakan untuk sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini mencukupi untuk memenuhi permintaan seluruh negara, kata Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan (KPKM) dalam satu kenyataan hari ini.

Data daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) setakat April menunjukkan bahawa ternakan lembu dan kerbau tempatan berjumlah 35,127 ekor, manakala bekalan import berjumlah 16,845 ekor.

“Ini menjadikan keseluruhan bekalan lembu dan kerbau untuk tujuan korban kepada 51,972 ekor, melebihi anggaran keperluan 40,420 ekor untuk masjid, surau dan rumah sembelihan di seluruh negara,” kata kementerian itu.

Bagi kambing dan biri-biri, KPKM berkata ternakan tempatan berjumlah 25,815 ekor, dengan bekalan import direkodkan sebanyak 4,232 ekor, menjadikan jumlah

keseluruhan kepada 30,047 ekor berbanding permintaan yang diunjurkan sebanyak 22,424 ekor.

Berdasarkan unjuran tersebut, kementerian memberi jaminan bahawa bekalan ternakan negara kekal mencukupi untuk memenuhi permintaan bagi upacara korban semasa Aidiladha tahun ini.-

[SUARAMERDEKA](#)

Aidiladha: JPV Keluarkan 1,398 Permit Sembelihan Korban Di P.Pinang			
Media	Ruangan	Muka Surat	Tarikh
TVSarawak	Sarawak	Dalam Talian	25 Mei



Foto fail TVS

GEORGE TOWN, 25 Mei: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mengeluarkan 1,398 Permit Sembelihan Luar (PSL) membaitkan 6,107 ekor haiwan bagi ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha yang bakal disambut umat Islam Rabu ini.

Pengarahnya, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab berkata, jumlah permit yang diluluskan tahun ini meningkat 32.26 peratus atau sebanyak 341 permit berbanding

1,057 PSL dikeluarkan tahun lalu.

Katanya, anggaran permintaan ternakan bagi tujuan ibadah korban dibuat berdasarkan permohonan PSL yang diterima daripada masjid, surau, badan korporat dan penganjur korban di seluruh negeri.

“Sebanyak 6,107 ekor ternakan direkodkan (akan) terlibat dalam aktiviti korban pada 2026 berbanding 4,220 ekor ternakan pada tahun lalu iaitu peningkatan

sebanyak 1,887 ekor atau 44.72 peratus.

“Pecahan ternakan bagi tahun ini melibatkan 5,476 ekor lembu, kambing (542), biri-biri (57), kerbau (26) dan enam ekor unta,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambah Saira Banu, bekalan lembu dan kerbau bagi tujuan korban di negeri ini melibatkan ternakan tempatan dan import bagi menstabilkan bekalan serta menampung peningkatan permintaan semasa musim Aidiladha.

Tambah beliau, pelaksanaan PSL oleh JPV penting bagi memastikan aktiviti korban dilaksanakan mengikut prosedur dan syarat ditetapkan termasuk aspek kesihatan veterinar, kebajikan haiwan, kebersihan tempat sembelihan dan keselamatan makanan.

Katanya, permit itu juga membantu memastikan ternakan yang digunakan bagi tujuan korban berada dalam keadaan sihat dan sesuai untuk disembelih.

“Pemantauan oleh pegawai veterinar dan pemeriksa daging yang dilantik turut memastikan pemeriksaan

dan post-mortem dilaksanakan dengan sempurna supaya daging korban yang diagihkan kepada masyarakat adalah selamat untuk dimakan serta bebas daripada penyakit zoonotik dan pencemaran yang boleh menjejaskan kesihatan awam,” katanya. -TVS

Lembu Diet Nanas Jadi Rebutan Menjelang Aidiladha Di Pontian			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	25 Mei



GAMBAR HIASAN

Pontian: Pendekatan lestari memanfaatkan sisa industri nanas sebagai makanan ternakan lembu menjadi tarikan unik bagi sebuah perusahaan ternakan tempatan di Kampung Parit Jerman, di sini, apabila menerima permintaan tinggi mencecah 70 ekor menjelang sambutan Aidiladha.

Integrasi sektor pertanian dan penternakan menerusi konsep ekonomi kitaran itu bukan sahaja mengurangkan kebergantungan

kepada dedak komersial, malah terbukti menghasilkan kualiti daging lembu yang lebih premium, sihat dan rendah lemak.

Pengurus Jermanpine Cafe Mohammad Anal Talha, 54, berkata, sistem rangkaian di premisnya dirangka secara lengkap bagi memastikan setiap rantai operasi bermula daripada tanaman, pembuatan produk, hingga sisa buangan nanas memberikan impak tersendiri.

"Kita mengusahakan tanaman nanas secara besar-besaran untuk produk hiliran seperti tart dan jus. Sisa nanas yang terhasil daripada proses ini sangat banyak dan mencukupi untuk menampung keperluan ternakan kita.

"Sisa ini dicampur bersama jerami padi sebagai suplemen tambahan. Untuk memberi makan 300 ekor lembu, di sini, kita memerlukan sekitar dua tan sisa nanas sehari," katanya kepada Bernama ketika ditemui di JermanPine, di sini baru-baru ini.

Anak jati Batu Pahat yang mula menternak lembu sejak 2014 itu berkata, diet berasaskan sisa nanas memberikan kelebihan besar kepada sistem imunisasi dan kualiti fizikal ternakan.

berbanding lembu yang makan dedak dan ia lebih berdaya tahan terhadap ancaman penyakit.

"Mengikut kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), dagingnya lebih berkhasiat kerana nanas mempunyai ciri asidik yang mengurangkan lemak, sekali gus menjadikan tekstur daging lebih lembut dan kurang lemak," katanya.

Bagi menjamin kualiti, Mohammad Anal berkata, pihaknya bekerjasama rapat dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang kerap turun padang bagi memeriksa ternakan, memberikan nasihat, serta mengawal penularan penyakit.

Mengenai pasaran Aidiladha tahun ini, beliau memaklumkan sudah menerima sebanyak 70 ekor tempahan daripada pelanggan di sekitar Johor, selain menyediakan 20 ekor lembu lagi khusus untuk jualan daging segar.

Harga bagi seekor lembu dijual mengikut saiz antara RM4,500 hingga RM10,000, manakala daging segar biasa dijual pada RM36 sekilogram dan bahagian batang pinang pula pada RM40 hingga RM44 sekilogram.

"Tempahan kami memang meningkat setiap tahun. Sasaran kita selepas Hari Raya Haji ini adalah untuk membesarkan kandang pameran sedia ada (kapasiti 30 ekor) bagi menampung hingga 300 ekor lembu. Tahun depan, kita sasar

jualan meningkat kepada 150 ekor," katanya.

Sektor penternakan ini digerakkan secara bersama dengan ladang nanas seluas 202 hektar yang diusahakannya di Kampung Parit Jerman.

Hasil tuaian nanas yang dilaksanakan secara berperingkat mampu mencecah 40 hingga 50 tan (kira-kira 25,000 biji) sebulan dengan nilai sekitar RM150,000, yang turut menjana kira-kira 20 tan sisa nanas sebulan.

Bagi mengukuhkan rantai perniagaan, beliau berkata Jermanpine Cafe yang dibuka sejak 2023 menawarkan pelbagai menu berasaskan nanas dan lembu seperti hidangan 'Tomahawk', sup daging, pizza nanas, tart nanas, serta jus nanas segar.

Keunikan kualiti daging lembu tersebut turut diakui oleh pelanggan setia Sayuti Ab Rahim, 41, yang kerap mengunjungi premis berkenaan untuk mendapatkan bekalan daging lembu segar.

"Saya sebelum ini cuba beli dagingnya dan bila makan tu rasa

lain, lebih lembut dan berisi. Apabila saya datang semula untuk beli daging pada ketika itu, saya baru tahu rasanya itu datang daripada lembu yang makan sisa nanas," katanya.-

[MYMETRO](#)

Lembu Korban 'Dicekup' PGA			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Dalam Talian	26 Mei



Anggota Strike Force Kompeni C Batalion 7 PGA Kuantan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan menahan seorang lelaki berusia 26 tahun bersama 13 ekor lembu dan sebuah lori Isuzu berwarna ungu bernilai keseluruhan RM152,000.

Foto PGA

PASIR MAS – Taktik menyeleweng penghantaran lembu sempena sambutan Aidiladha terbongkar apabila Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan sebuah lori yang membawa muatan haiwan ternakan tidak sepadan dengan dokumen kelulusan di Jalan Banggol Ara di sini pada Isnin.

Dalam serbuan kira-kira jam 5 petang menerusi Op Taring Wawasan itu,

anggota Strike Force Kompeni C Batalion 7 PGA Kuantan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan menahan seorang lelaki berusia 26 tahun bersama 13 ekor lembu dan sebuah lori Isuzu berwarna ungu bernilai keseluruhan RM152,000.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Ahmad Radzi Hussain berkata, pemeriksaan

dilakukan selepas pihaknya mendapati lori terbabit berada dalam keadaan mencurigakan ketika rondaan dijalankan di kawasan berkenaan.

Menurut beliau, hasil semakan mendapati pemandu lori mengemukakan surat kebenaran memindahkan haiwan ternakan dalam Semenanjung Malaysia yang meluluskan penghantaran 20 ekor lembu ke Kota Bharu.

"Ini menimbulkan keraguan apabila tujuh ekor lembu dipercayai telah dihantar ke lokasi lain yang tidak dinyatakan dalam dokumen kelulusan pergerakan haiwan ternakan," katanya kepada pemberita pada Selasa.

Ujar beliau, suspek terbabit ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Ahmad Radzi memberitahu, siasatan awal mendapati lelaki itu mendakwa diarahkan majikannya untuk menghantar lembu terbabit ke Kota Bharu bagi memenuhi permintaan tinggi sempena Aidiladha.

"Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar memaklumkan haiwan

ternakan wajib dihantar ke lokasi seperti yang tercatat dalam borang kelulusan dan menjadi satu kesalahan sekiranya dipindahkan ke lokasi lain tanpa kebenaran," katanya.

Menurut beliau, lori serta 13 ekor lembu itu telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan untuk tindakan lanjut.

Tambahnya, pemantauan dan pemeriksaan di Kawasan Tanggungjawab Jeram Perdah akan terus dipertingkatkan bagi membanteras sebarang aktiviti penyeludupan serta penyelewengan melibatkan haiwan ternakan menjelang musim perayaan.-[SINARHARIAN](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR